



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR TERUS KOMITED DALAM PENGAWALSELIAAN DAN TINDAKAN BERHUBUNG E-WASTE

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) komited melaksanakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan secara berterusan terhadap pengurusan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) di sektor industri.

Tindakan ini dilaksanakan mengikut peruntukan Seksyen 34B serta Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

NRES tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba menjadikan pelabuhan negara sebagai pintu masuk bagi pelupusan buangan terjadual secara haram.

Tindakan tegas akan diambil di bawah peruntukan undang-undang berikut:

- a) Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 — memperuntukkan denda maksimum RM10 juta atau penjara sehingga lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.
- b) Seksyen 43 akta yang sama — boleh dikenakan terhadap agen atau syarikat perkapalan yang gagal mematuhi prosedur pengimportan yang ditetapkan.

Pembanterasan kemasukan e-waste secara haram dilaksanakan melalui kerjasama rapat bersama Pasukan Siasatan Penggubalan Wang Haram (AMLA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi berkaitan termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Westports Malaysia Sdn. Bhd., serta Northport (Malaysia) Berhad.

Kerjasama ini dilaksanakan melalui Operasi Pemeriksaan dan Penahanan Kontena Disyaki Mengandungi E-Waste dan Buangan Terjadual yang Diimport Secara Haram di pelabuhan-pelabuhan utama negara.

Walaupun kawal selia telah dilaksanakan dengan ketat, masih terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang mengeksploitasi keadaan dengan membuat pengisytiharan palsu terhadap kandungan kontena semasa proses pengimportan. Tindakan sebegini telah menyumbang kepada lambakan kemasukan e-waste secara haram ke negara ini.

JAS bertanggungjawab menjalankan siasatan terhadap kesalahan di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang menetapkan bahawa tiada mana-mana pihak dibenarkan untuk melupus, menyimpan, menghantar, mengimport atau mengeksport buangan terjadual tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Bagi tujuan siasatan, JAS turut menjalankan kerja-kerja persampelan terhadap buangan terjadual, yang kemudiannya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis makmal.

Malaysia juga tidak membenarkan sebarang pengimportan buangan terjadual, selaras dengan Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Rentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya, yang memperuntukkan bahawa semua aktiviti import, eksport, transit atau transshipment buangan terjadual mesti mendapat kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar terlebih dahulu.

Orang ramai diseru supaya menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar atau pengimportan buangan secara haram melalui saluran berikut:

Talian bebas tol: 1-800-88-2727

E-mel: aduan_k@doe.gov.my

Portal e-Aduan: <https://eaduan.doe.gov.my>

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
30 OKTOBER 2025

